

أنق كونچي شرکا

ANAK KUNCI SYURGA



pengarang/penyusun

**ASY-SYEIKH ABDUL QADIR BIN ‘ABDUL MUTHALIB AL-
INDUNISI AL-MANDILI** رحمه الله

disyarahkan oleh

abu rumaysa Idrus bin Ali bin Sarif al awahi
semoga Allahmengampuninya dan menetapkannya di atas jalan istiqamah

“AQA’ID AL-IMAN”
Nota Kuliah Siri 9 (ms 10-11)



ANAK KUNCI SYURGA

oleh

abu rumaysa Idrus bin Ali bin Sarif al Awahi

Lot 2785 Jalan Limau,Meru Kapar Selangor Darul Ehsan

Hp : +6013-2959766, E-mail : aburumaysa66@yahoo.com

بِسْمِ اللَّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ

إِنَّ الْحَمْدَ لِلّٰهِ ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ ، وَنَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنْ شُرُورِ النَّفَّٰثَاتِ
أَعْمَالِنَا ، مَنْ يَهْدِهِ اللّٰهُ فَلَا مُضِلٌّ لَّهُ ، وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِيٌ لَّهُ ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ .
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

(al-Imran:102)

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِّنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجًا
كَثِيرًا وَنِسَاءً وَاتَّقُوا اللّٰهَ الَّذِي تَسْأَلُونَ بِهِ الْأَرْدَامَ ، إِنَّ اللّٰهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا .

(An-Nisa'a':1)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللّٰهَ وَقُولُوا قُوْلًا سَدِيدًا ، يُصْلِحُ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَعْفُرُ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ،
وَمَنْ يُطِعِ الْمَوْرَسُولَةَ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا

(Al-Ahzab:70-71)

أَمَّا بَعْدُ : فَإِنَّ أَصْدَقَ الْحَدِيثِ كِتَابُ اللّٰهِ عَزَّ وَجَلَّ أَحْسَنَ الْهَدِيَّ هَذِي مُحَمَّدٌ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ ، وَشَرَّ الْأُمُورُ مُخْدِثَاهَا ، وَكُلَّ مُحْدَثَةٍ بَدْعَةٌ ، وَكُلَّ بَدْعَةٍ ضَلَالٌ ، وَكُلَّ ضَلَالٌ فِي
¹ التَّارِ.

¹ Khutbah ini dinamakan *Khutbatul Hajah*, khutbah pembuka yang biasa dipergunakan Rasulullah *sallallahu'ala'ihi wasallam* untuk mengawali setiap majlisnya. Beliau *sallallahu'ala'ihi wasallam* juga mengajarkan khutbah ini kepada para sahabat *radiallahu'anhum*. Khutbah ini diriwayatkan dari enam orang sahabat Nabi *sallallahu'ala'ihi wa sallam* *sallallahu'ala'ihi wasallam*. Diriwayatkan oleh Imam Ahmad(I/392-393), Abu Daud(no. 1097 dan 2118),an-Nasaai(III/104-105),at-Tirmidzi(no. 1105),Ibnu Majah (no.1892),,al-Hakim(II/182-83),,ath-Thayalisi (no.336),Abu Ya'la(no.5211),ad-Darimi(II/142), dan al-Baihaqi (III/214 dan VII/146 dari sahabat Abdullah bin Mas'ud *radiallahu'anhu*. Hadis ini shahih. Syeikhul Islam Ibnu Taimiyah *rahimahullah* berkata;”Khutbah ini adalah sunnah,dilakukan ketika mengajarkan al-Quran, as-Sunnah,fiqh,menasihati orang dan semacamnya...Sesungguhnya hadis Ibnu Mas'ud *radiallahuanhu* tidak mengkhususkan untuk khutbah nikah sahaja, tetapi khutbah ini pada setiap ada keperluan untuk berbicara kepada hamba-hamba Allah,sebahagian kepada sebahagian yang lainnya...”(*Majmuu' Fataawa* Syeikhul Islam Ibnu Taimiyah XVIII/286-287) -dinukil dari buku “*Syarah Aqidah Ahlus Sunnah Wal Jamaah*” oleh Yazid bin Abdul Qadir Jawas, ms xix-xx.

Matan Dari Kitab “Anak Kunci Syurga” dari mukasurat 9-10

“AQA’ID AL-IMAN”

ALLAH TA’ALA SANGAT MENDENGAR DAN SANGAT MELIHAT

Dan bahawa Allah Ta’ala sangat Mendengar, dan sangat Melihat, kerana firmanNya:

إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

“... Sesungguhnya Allah jualah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat.” (al Isra’:1)

Dan bahawa Allah Ta’ala sentiasa Ia berkata-kata, kerana firman-Nya:

وَكَلَمُ اللَّهِ مُوسَى تَكَلِّيمًا

Ertinya: **Dan berkata-kata Allah Ta’ala akan Nabi Musa berkata-kata**(Surah an-Nisa’:Ayat 164)

Dan firman-Nya:

وَلَمَّا جَاءَ مُوسَى لِمِيقَاتِنَا وَكَلَمَهُ رَبُّهُ

Ertinya: **Tatkala datang oleh Nabi Musa pada masa perjanjian kami dan berkata-kata akan dia oleh Tuhananya.**(Surah al-A’raf:Ayat:143)

Dan bahawa menjadikan Allah Ta’ala akan Nabi Ibrahim ‘alaihissalam akan kekasih baginya, kerana firman-Nya:

وَأَنْخَدَ اللَّهُ إِبْرَاهِيمَ حَلِيلًا

Ertinya: **Dan menjadikan Allah Ta’ala akan Nabi Ibrahim akan kekasih yang patut padan dengan kebesarannya,tiada seperti kasih manusia.**(Surah an –Nisa’:Ayat 125)

Dan bahawa Allah Ta’ala berhajat kepada tiap-tiap sesuatu, dan terkaya ia daripada tiap-tiap sesuatu, kerana firman-Nya:

وَاللَّهُ أَغْنِي وَأَنْتُمُ الْفَقَرَاءُ

Ertinya: **Dan Allah Ta’ala juga yang terkaya daripada yang lainnya kerana bersifat ia dengan segala sifat kesempurnaan.Dan bermula kamu yang sangat berhajat kepada Allah Ta’ala kerana kamu bersifat dengan sifat kekurangan.**(Surah Muhammad:Ayat 38)

Wallahu’lam.

S yarah :

Dalam perbahasan kali ini,² kita akan menyambung pada matan yang berikutnya iaitu-

Dan bahawa Allah Ta'ala sangat Mendengar, dan **sangat Melihat**, kerana firmanNya:

إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١﴾

“... *Sesungguhnya Allah jualah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat*” (al Isra':1)

A. Sifat Yang Maha Melihat (ال بصير)

1. Di antara sifat-sifat Allah Ta'ala Yang Maha Agung yang wajib kita imani adalah Allah Ta'ala Maha Melihat.
2. Nama/Sifat Allah Ta'ala ini disebutkan dalam al Quran lebih dari 40 tempat.³

² Kita masih lagi membahas Sifat-sifat Allah Ta'ala Yang Maha Tinggi lagi Maha Agung. Sekadar peringatan sekali lagi ,kitab ini amat ringkas,tidak membahas secara menyeluruh tentang Sifat-sifat Allah Ta'ala,untuk mendapatkan perbahasan dan penjelasan yang lebih menyeluruh silalah rujuk/membaca kitab-kitab berikut:

- a. Alawy bin Abdul Qadir As-Segaf,**Mengungkap Kesempurnaan Sifat-Sifat Allah Dalam al Quran&As Sunnah**,Pustaka Azzam,2000
- b. Syeikh Abdul Qadir al Mandili,Perisai Bagi Sekalian Mukallaf,Al-Hidayah,2012

³ Di antara ayat-ayat yang menjelaskan tentang sifat Maha Melihat adalah seperti berikut:

a. Asy Syuura 42:11

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١١﴾

“Tidak ada sesuatu pun yang serupa dengan Dia, dan Dia-lah Yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat.”

b. An Nisaa' 4: 58

إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾

“Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.”

c. Al Baqarah 2 : 265

وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٢٦٥﴾

“Dan Allah Maha Melihat apa yang kamu perbuat.”

d. Al Imran 3 : 15

وَاللَّهُ بَصِيرٌ بِالْعِبَادِ ﴿١٥﴾

“Dan Allah Maha Melihat Akan hamba-hamba-Nya.”

e. Al Mulk 67: 19

إِنَّهُرِبِكُلُّ شَيْءٍ بَصِيرٌ ﴿١٩﴾

“Sesungguhnya Dia Maha Melihat Segala Sesuatu.”

3. Kita wajib menetapkannya bagi Allah Ta'ala tanpa⁴ ;

- a. *Tamtsil* (memisalkan dengan makhluk-Nya)
- b. *Takyif* (menanyakan hakikatnya)
- c. *Ta'thil* (menolak atau mengingkarinya)
- d. *Tahrif* (mengubah dari makna asalnya)

4. Allah Ta'ala (البصير), maksudnya ;

Dia adalah Dzat yang Maha Melihat segala sesuatu meski pun sekecil apa pun. Dia dapat melihat seekor semut hitam yang melata di atas batu yang hitam pada malam yang gelap gulita.Dia dapat melihat perjalanan makanan dalam tubuh manusia dan peredaran darah dalam urat badan.Dia dapat melihat apa yang ada di langit ketujuh dan apa yang berada di bawah lapisan bumi yang tujuh.Dan Allah Ta'ala Maha Melihat apa sahaja tiada yang tersembunyi bagi-Nya.

5. Sungguh indah apa yang dikatakan oleh seorang penyair;

Wahai Dzat yang melihat kerumunan nyamuk dan sayapnya,

Pada malam hari yang amat gelap gelita

Dia melihat urat-urat yang bergantung di lehernya,

Dan melihat otak yang menempel pada tulangnya,

Anugerahkan kepada ku taubat yang dengannya Engkau hapuskan,

Noda dan dosa pada hari-hari yang telah berlalu.

6. Dia memandang orang-orang yang beriman dengan pandangan kemuliaan dan rahmat-Nya.Setelah Dia mengurniakan kenikmatan dan Syurga-Nya,maka kemuliaan tersebut ditambahkan lagi oleh-Nya dengan perjumpaan dan kemampuan mereka melihat-Nya. Kenikmatan tersebut tidak akan sama sekali diberikan kepada orang-orang kafir sebagai balasan azab dari-Nya.Mereka diazab selama-lamanya dan tidak dapat melihat dan memandang Allah Ta'ala.

f. Al Isra'17 : 17

وَكَفَىٰ بِرَبِّكَ بِذُنُوبِ عِبَادِهِ خَيْرًا بَصِيرًا ^أ

“Dan cukuplah Rabbmu Maha Mengetahui lagi Maha Melihat dosa hamba-hamba-Nya.”

⁴ Ini merupakan 4 kaerah teras dalam berinteraksi dengan Sifat-sifat Allah Ta'ala di sisi Mazhab Salaf dalam bab Aqidah,maka hendaklah kita berpegang teguh dengannya.

Faedah dan Kesan mentauhidkan Allah Ta’ala Dalam Sifat Melihat Bagi Seorang Muslim;

- a. Dia akan bersifat *malu* terhadap Rabbnya sehingga ia akan berhati-hati di dalam segala gerak gerik kehidupannya kerana Allah Ta’ala Maha Melihat apa sahaja perlakuannya baik ketika dia bersama orang ramai apatah lagi ketika dia bersedirian.
- b. Dia akan sentiasa merasa selalu diawasi oleh Allah Ta’ala . Oleh itu keseluruhan hidupnya akan diwarnai oleh kesempurnaan *Muraqabah* dan menaikkan kedudukannya pada maqam *Ihsan*,seperti mana hadis sahih dari Umar *radiallahhu’anh* bahwasanya Rasulullah bersabda tentang Ihsan;

أَنْ تَعْبُدَ اللَّهُ كَلَّاكَ تَرَاهُ، فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ

“Ihsan itu adalah engkau beribadah kepada Allah seolah-olah engkau melihat Allah.Dan jika engkau tidak melihat-nya,maka yakinilah bahawa sesungguhnya Allah melihat mu.” (HR Bukhari no.50 dan Muslim no.8)

Berapa ramai manusia yang meninggalkan kemaksiatan dan dosa disebabkan dia merasa diawasi oleh Allah Ta’ala yang selalu melihatnya!

Ibnu Rejab al Hanbali *rahimahullah* berkata⁵ :

“Seorang lelaki pernah merayu seorang wanita di tengah gurun pasir pada malam hari, tetapi si wanita itu menolaknya.Lelaki tersebut pun berkata kepadanya,”Tidak ada yang melihat kita sekarang,melainkan bintang-bintang.” Si wanita pun berkata, ”Lalu di manakah yang menciptakan bintang-bintang tersebut?” maksudnya bukankah Dia juga melihat kita?

Allah Ta’ala berfirman:

أَلَمْ يَعْلَمْ بِأَنَّ اللَّهَ يَرَى

“Tidakkah dia mengetahui bahawa sesungguhnya Allah melihat segala perbuatannya.” (al-Alaq:14).

Maka cukuplah ini sebagai peringatan dan pencegah!

- c. Dia akan sentiasa mengambil ibrah dari segala ciptaan Allah Ta’ala yang dia saksikan dan rasai serta nikmati dan kemuncaknya akan terpatri kekuuhan iman kerana menyaksikan bagaimana Maha Sempurnanya kekuasaan Allah Ta’ala dan kehebatan hikmah penciptaan yang ditunjukkan-Nya....

⁵ Pengarang kitab *Jami’ul Ulum wal Hikam* syarah atas *Arbain an Nawawiyyah* yang masyhur itu.Kitab yang sangat berfaedah untuk rujukan kita umat Islam.Milikilah ia dengan segera,sudah diterjemahkan dalam Bahasa Malaysia.

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَآخِتِلَفُ الْأَلْيَلِ وَالنَّهَارُ لَا يَدْعُونَ إِلَّا بِهِ ۝ أَلَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا حَلَقْتَ هَذَا بَطِلًا سُبْحَانَكَ فَقَنَّا عَذَابَ النَّارِ ۝ رَبَّنَا إِنَّكَ مَنْ تُدْخِلُ النَّارَ فَقَدْ أَخْرَيْتُهُ وَمَا لِلظَّلَمِينَ مِنْ أَنْصَارٍ ۝

“Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal;”(iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (ambil berkata): "Wahai Tuhan kami! tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha suci Engkau, maka peliharalah Kami dari azab neraka.Wahai Tuhan kami! sebenarnya sesiapa yang Engkau masukkan ke dalam neraka maka sesungguhnya Engkau telah menghinakannya, dan orang-orang yang zalim tidak akan beroleh seorang penolong pun.” (al Imran 3:190-192)

Alhamdulillah selesai penjelasan tentang Sifat Allah Ta’ala Yang Maha Melihat .Kemudian asy Syeikh rahimahullah membawakan Sifat seterusnya iaitu Allah Ta’ala Maha Berkata-Kata.

Dan bahawa Allah Ta’ala **sentiasa Ia berkata-kata**,kerana firman-Nya:

وَكَلَمُ اللَّهِ مُوسَىٰ تَكَلِّيماً ۝

Ertinya: **Dan berkata-kata Allah Ta’ala akan Nabi Musa berkata-kata**(Surah an-Nisa’:Ayat 164)

Dan firman-Nya:

وَلَمَّا جَاءَ مُوسَىٰ لِمِيقَاتِنَا وَكَلَمَهُ رَبُّهُ ۝

Ertinya: **Tatkala datang oleh Nabi Musa pada masa perjanjian kami dan berkata-kata akan dia oleh Tuhan**nya.(Surah al-A’raf:Ayat:143)

Dan bahawa menjadikan Allah Ta’ala akan Nabi Ibrahim ‘alaihissalam akan kekasih baginya,kerana firman-Nya:

وَأَنْخَدَ اللَّهُ إِبْرَاهِيمَ حَلِيلًا ۝

Ertinya: **Dan menjadikan Allah Ta’ala akan Nabi Ibrahim akan kekasih yang patut padan dengan kebesarannya,tiada seperti kasih manusia**.(Surah an –Nisa’:Ayat 125)

Dan bahawa Allah Ta’ala berhajat kepada tiap-tiap sesuatu,dan terkaya ia daripada tiap-tiap sesuatu,kerana firman-Nya:

وَاللَّهُ الْغَنِيُّ وَأَنْتُمُ الْفُقَرَاءُ

Ertinya: *Dan Allah Ta'ala jua yang terkaya daripada yang lainnya kerana bersifat ia dengan segala sifat kesempurnaan. Dan bermula kamu yang sangat berhajat kepada Allah Ta'ala kerana kamu bersifat dengan sifat kekurangan.* (Surah Muhammad: Ayat 38)

B. Sifat Yang Maha Berkata-kata/Berfirman (كلام الله تعالى)

1. Berkata-kata adalah sifat Allah Ta'ala yang ditetapkan oleh al Quran, as Sunnah dan ijma' Salaf.

Allah Ta'ala berfirman:

وَكَلَمُ اللَّهِ مُوسَى تَكَلِّيمًا

“Allah telah berbicara kepada Musa dengan langsung.” (an Nisaa' 4:164)

... مِنْهُمْ مَنْ كَلَمَ اللَّهُ

“Di antara mereka ada yang Allah berkata-kata langsung dengannya.” (al Baqarah:253)

2. As Salaf telah berijma' menetapkan sifat Berkata-kata bagi Allah Ta'ala, maka wajib ditetapkan bagi-Nya tanpa *tahrif, ta'thil, takyif* dan *tamtsil*. Ia adalah kalam hakiki yang berkaitan dengan kehendak Allah Ta'ala dengan **huruf dan suara** yang terdengar. Dalilnya adalah Firman Allah Ta'ala:

وَلَمَّا جَاءَ مُوسَى لِمَيَقَنَّا وَكَلَمَهُ رَبُّهُ

“Dan ketika Musa datang untuk bermunajat kepada Kami pada waktu yang sudah ditentukan dan Tuhan telah berfirman langsung kepadanya.” (al A'raf 7:143)

3. Berkata-kata adalah sifat *Fi'liyah* yang Dia lakukan bila Dia berkehendak untuk melakukannya, Allah Ta'ala berkata-kata di masa lalu, di masa mendatang dan akan berkata-kata di hari Qiamat, bila Dia berkehendak untuk berkata-kata maka Dia berkata-kata.⁶

⁶ Di antara kaedah berkaitan Sifat-sifat Allah Ta'ala adalah, sifat **Tsubitiyah** Allah Ta'ala terbahagi menjadi 2 iaitu:

a. **Sifat Dzatiyah**

Adalah sifat yang Allah Ta'ala tidak pernah tidak dan sentiasa bersifat dengannya seperti *as-Sam'u* (Mendengar) dan *al-Bashr* (Maha Melihat)

b. **Sifat Fi'liyah**

Adalah sifat-sifat yang berkaitan dengan kehendak Allah Ta'ala, jika Allah Ta'ala berkehendak melakukannya, maka Dia melakukannya begitulah sebaliknya. seperti *al-Istiwa'* (Bersemanyam) di atas Arsy dan *al-Majid* (Datang).

Boleh sahaja suatu sifat termasuk Dzatiyah dan Fi'liyah seperti sifat **al-Kalam** (Berkata-kata). Dari sisi dasar sifat ini adalah sifat Dzatiyah, kerana Allah Ta'ala tidak pernah tidak dan sentiasa bersifat Berkata-

4. Asy Syeikh rahimahullah membawakan contoh Berkata-katanya Allah Ta'ala dengan kisah Nabi Musa 'alaihissalam. Nabi Musa alaihisalam diberikan keistimewaan dan kelebihan⁷ berbicara langsung dengan Allah Ta'ala seperti yang dinyatakan dalam al Quran,di antaranya;

وَكَلَمُ اللَّهِ مُوسَى تَكَلِّيمًا

Ertinya: **Dan berkata-kata Allah Ta'ala akan Nabi Musa berkata-kata**(Surah an-Nisa':Ayat 164)

Dan firman-Nya:

وَلَمَّا جَاءَ مُوسَى لِمِيقَاتِنَا وَكَلَمَهُ رَبُّهُ

Ertinya: **Tatkala datang oleh Nabi Musa pada masa perjanjian kami dan berkata-kata akan dia oleh Tuhananya.**(Surah al-A'raf:Ayat:143)

kata,namun dari sis satuan berbicara,ia adalah sifat fi'liyah kerana Berkata-kata terkait dengan kehendak Allah Ta'ala,Dia berkata-kata dengan apa yang Dia kehendaki dan bila Dia kehendaki.

⁷ Allah Ta'ala mengutamakan sebahagian para Rasul atas sebahagian yang lain,sekali pun mereka semua adalah orang-orang yang memiliki darjat yang paling tinggi,seperti mana firman Allah Ta'ala;

* تِلْكَ الْرُّسُلُ فَضَّلْنَا بَعْضَهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ مِّنْهُمْ مَنْ كَلَمَ اللَّهُ وَرَفَعَ بَعْضَهُمْ دَرَجَتٍ

"Rasul-rasul itu Kami lebihkan sebahagian mereka atas sebahagian yang lain. Di antara mereka ada yang Allah berkata(langsung dengannya) dan sebahagian mereka Allah meninggikannya beberapa darjat." (al Baqarah:253)

Catatan:

- Ahlus Sunnah wal Jamaah berkeyakinan bahwasanya Allah Ta'ala menjadikan semulia-mulia makhluknya adalah para Rasul-rasul 'alaihimussalatu was salam.Dan di antara mereka pula Allah Ta'ala lebihkan darjat mereka disebabkan keistimewaan yang mereka miliki.
- Allah Ta'ala memberikan keutamaan kepada Nabi Musa 'alaihissalam sebagai nabi yang mana Dia pernah berbicara langsung kepadanya tanpa perantaraan malaikat dan Nabi Musa alihissalam mendengar langsung Kalam Allah Ta'ala.
- Allah Ta'ala memberikan keutamaan pula kepada Nabi Ibrahim alaihissalam dan Nabi Muhammad sallallahuhalaihi wa sallam sebagai kesayangannya iaitu "al Khullah",darjat cinta yang paling tinggi. Allah Ta'ala menyintai hamba-hamba-Nya, kaum mukminin,orang-orang yang bertaqwa dan orang-orang muhsinin(yang sentiasa berbuat kebaikan),sebagaimana Allah Ta'ala juga menyintai orang-orang yang selalu bertaubat dan orang-orang yang menyucikan dirinya.
- Akan tetapi "al Khullah"(sebagai kesayangan Allah Ta'ala) tidak pernah diraih kecuali oleh dua orang manusia iaitu Nabi Ibrahim dan Nabi Muhammad sallallahuhalaihi wa sallam.

Nabi sallallahuhalaihi wa sallam pernah bersabda:

ان الله اخذني خليلا كما اخذ ابراهيم خليلا

"Sesungguhnya Allah Ta'ala telah menjadikan aku sebagai kesayangannya sebagaimana Allah telah menjadikan Ibrahim sebagai kesayangannya." (HR Muslim no 532)

Di antara dalil lain ialah :

فَلَمَّا أَتَهَا نُودِيَ مِنْ شَطْرِ الْوَادِ الْأَيَمَنِ فِي الْبُقْعَةِ الْمُبَرَّكَةِ مِنَ الشَّجَرَةِ أَنْ يَمْوِسَ
إِنَّمَا أَنَّهُ رَبُّ الْعَالَمِينَ وَأَنَّ أَنْقَعَ عَصَاكَ

“Maka ketika ia sampai ke tempat api itu, ia diseru dari tepi lembah yang di sebelah kanan, di tempat yang dilimpahi berkat, dari arah pohon kayu (yang ada di situ): "Wahai Musa, Sesungguhnya Akulah Allah Tuhan sekalian alam. Dan lemparkanlah tongkatmu." (al Qashash :30-31)

وَنَدَيْنَاهُ مِنْ جَانِبِ الْطُّورِ الْأَيَمَنِ وَقَرَبَنَاهُ نَحِيًّا

“Dan Kami telah menyerunya dari arah sebelah kanan Gunung Tursina, dan Kami telah mendekatkannya kepada Kami di waktu dia bermunajat kepada Kami.” (Maryam 19: 52)

فَلَمَّا أَتَهَا نُودِيَ يَمْوِسَ إِنَّمَا رُبِّكَ فَأَخْلَعَ نَعْلَيْكَ إِنَّكَ بِالْوَادِ الْمُقَدَّسِ طَوَى

“Maka ketika ia datang ke tempat api itu, ia dipanggil:”Hai Musa. Sesungguhnya Aku inilah Tuhanmu, maka tanggalkan kedua terompahmu; sesungguhnya engkau berada di lembah yang suci, Thuwa.” (Thaha 20:10-11)

5. Di antara **Kata-kata Allah Ta’ala yang Maha Agung** adalah **al Quran**. Ia adalah Kitab Allah Ta’ala yang jelas dan tali-Nya yang kukuh,jalan-Nya yang lurus,diturunkan dari Rabb semesta alam,yang membawanya turun adalah ar Ruh al-Amin kepada hati penghulu para Rasul dengan bahasa Arab yang jelas,ia diturunkan,bukan makhluk,dari-nya berawal dan kepada-Nya ia akan kembali.⁸
6. Di akhirat nanti, Allah Ta’ala berkata-kata kepada hamba-hambanya⁹,berkata-kata kepada penghuni syurga,memberi salam kepada mereka dan mereka menjawab salam-

⁸ Tanda-tanda kiamat, al Quran akan diangkat kembali kepada Allah Ta’ala.

⁹ Contohnya adalah :

a. **Ketika Manusia Dihimpunkan di Padang Mahsyar**

Nabi *sallallaahu’alaihi wa sallam* memohon Syafaat kepada Allah Ta’ala agar dimulakan hisab(*Syafaatul ‘Uzma*),berlaku dialog di antara Allah Ta’ala dengan Nabi *sallallaahu’alaihi wa sallam*.

ارفع رأسك وسل تعط واسفع تشفع

“Angkatlah kepalamu,mintalah,kamu pasti dikabulkan dan berilah syafaat niscaya syafaatmu diperkenankan.” (HR Bukhari no.3340 dan Muslim no.193)

b. **Berbicaranya Allah Ta’ala Kepada Penghuni Syurga**

يقول الله لا أهل الجنة : يا أهل الجنـة . يقولون: لـبيك ربـنا وسعـديك.

“Allah Ta’ala berfirman kepada penghuni syurga,’ Wahai penghuni syurga.’ Maka mereka menjawab,’Aku penuhi panggilan-Mu dan demi menyenangkan-Mu wahai Rabb kami...(*mutafaqqun ‘alaih*)


Nya,pembicaraan Allah Ta'ala terdengar oleh mereka.Mereka juga akan melihatnya dengan mata sebagaimana mereka melihat matahari di siang hari tanpa awan yang menghalang dan seperti melihat rembulan di malam purnama.¹⁰

Faedah dan Kesan mentauhidkan Allah Ta'ala Dalam Sifat Ini Bagi Seorang Muslim;

- a. Dia akan sentiasa menjaga tutur katanya¹¹ agar tidak mendatangkan kemurkaan Allah Ta'ala kerana menyedari dan mengimani bahawa semua Kata-kata Allah Ta'ala adalah Maha Baik semuanya.
- b. Dia akan sentiasa menggunakan lisannya untuk sentiasa berzikir dan berdoa kepada Allah Ta'ala kerana ia merupakan bentuk taqarrub demi mendapat kasih sayang dan kecintaan daripada Allah Ta'ala.¹²

InsyAllah akan datang penjelasan pada kuliah yang akan datang terhadap matan seterusnya ;

Dan bahawa menjadikan Allah Ta'ala akan Nabi Ibrahim 'alaihissalam akan kekasih baginya,kerana firman-Nya:



Ertinya: **Dan menjadikan Allah Ta'ala akan Nabi Ibrahim akan kekasih yang patut padan dengan kebesarannya,tiada seperti kasih manusia.**(Surah an-Nisa': Ayat 125)

Dan bahawa Allah Ta'ala berhajat kepadanya tiap-tiap sesuatu,dan terkaya ia daripada tiap-tiap sesuatu,kerana firman-Nya:

¹⁰ HR Bukhari no.554,806,7434 dan Muslim no.182

﴿مَسْتَرُونَ رِبَّكُمْ يَوْمَ الْقِيَمَةِ، كَمَا تَرُونَ الْقَمَرَ لِيَلَةَ الْبَدْرِ، وَكَمَا تَرُونَ الشَّمْسَ صَحْوًا لَّيْسَ دُونَهَا سَحَابٌ، لَا تَضَامُونَ فِي رُؤُبِتِهِ﴾

“Sesungguhnya kalian akan melihat Rabb kalian sebagaimana kalian melihat bulan di malam purnama dan sebagaimana kalian melihat matahari yang bersinar cerah tanpa awan,kalian tidak akan saling berdesakan dalam melihatnya...”

¹¹ Para Ulama sepanjang zaman mengerang kitab-kitab yang membahas tentang bab Bencana Lisan ini seperti di antaranya ialah;

- a. Al Imam al Ghazali rahimahullah dalam kitabnya *Ihya' Uulumiddin*
- b. Al Imam an Nawawi rahimahullah dalam Kitabnya *Riyadus Shalihin*
- c. Al Imam Ibnu Taimiyyah rahimahullah dalam kitabnya *Tazkiyatun Nufus*
- d. Al Imam Ibnu al Qayyim al Jauziyah rahimahullah dalam kitabnya *Fawaidul Fawaid*

Kesemuanya merujuk kepada banyaknya dalil-dalil dari al Quran dan al Hadis....maka rujuklah pada kitab-kitab tersebut kerana ia sangat bermanafaat,insyAllah.

¹² Sila rujuk ms 9 dari nota Kuliah08 pada c dan d untuk mengaitkan sifat Maha Melihat dan Maha Berkata Allah Ta'ala

وَاللَّهُ أَكْبَرُ


Ertinya: *Dan Allah Ta'ala jua yang terkaya daripada yang lainnya kerana bersifat ia dengan segala sifat kesempurnaan. Dan bermula kamu yang sangat berhajat kepada Allah Ta'ala kerana kamu bersifat dengan sifat kekurangan.* (Surah Muhammad:Ayat 38)

Semoga Allah Ta'ala mengurniakan kita semua pemahaman yang jelas dan benar terhadap ilmu yang dipelajari dan menganjari kita semua dan asy Syeikh Abdul Qadir rahimahullah serta para Ulama yang kitab-kitabnya dijadikan rujukan, dengan pahala dan keampunan dan menghimpunkan kita semuanya nanti di dalam Syurga Firdaus bersama dengan Nabi sallallahu'alaahi wa sallam.

Wallahhu 'lam. Walhamdulillah.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي بِنِعْمَتِهِ تَتَمَّ الصَّالِحَاتُ

“Segala puji hanya bagi Allah yang dengan nikmat-Nya
segala amal shalih menjadi sempurna”

Untuk bacaan lanjut bagi menambahkan pemahaman, sila rujuk buku-buku berikut;

- a. Dr.Mahmud 'Abdurrazaq ar-Ridhwani,***Asmaul Husna***,Pustaka Ibnu Katsir,1432H
- b. Prof.Dr.Abdurrazaq bin Abdul Muhsin Al-Abbad Al-Badr,***Fikih Asma' ul Husna***,Darus Sunnah,2012
- c. Syaikh Dr.Shalih bin Fauzan al-Fauzan,***Penjelasan Ringkas Matan Al-Aqidah Ath Thahawiyah***,2001,Pustaka Sahifa
- d. Syaikh Muhammad bin Shalih Al-Uthaimeen,***Syarah Lum'atul I'tiqad***,2011,Pustaka Shahifa